

06/01/2001

Rakyat wajar sahut seruan 2001 tahun perpaduan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Rakyat perlu menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya menjadikan tahun 2001 sebagai tahun perpaduan, kata.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Beliau berkata, perbezaan kaum, agama dan kepercayaan tidak seharusnya menjadi hambatan kepada masyarakat untuk hidup bersama, sebaliknya mengganggu perkara itu sebagai satu cabaran.

"Jangan ada sesiapa yang memandang rendah kepada yang lain hanya kerana perbezaan agama dan keturunan," katanya pada Majlis Aidilfitri/Krismas anjuran Jabatan Perpaduan Negara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di sini, hari ini.

Sehubungan itu, katanya, pihaknya akan terus menganjurkan majlis yang membabitkan keagamaan dan disertai oleh semua ahli masyarakat tanpa mengira agama dan keturunan.

"Ia bertujuan mengeratkan silaturahim melalui komunikasi erat, dengan itu tidak akan timbul perasaan prejudis sehingga membawa perpecahan rakyat," katanya.

Beliau berkata, agama perlu dijadikan panduan dan asas pegangan bagi membentuk pekerti mulia, berperibadi baik dan saling toleransi.

"Hakikatnya, kerajaan berjaya melahirkan semangat toleransi dan kerjasama antara kaum di dalam mengejar kemajuan ekonomi dan kestabilan politik," katanya.

Mengulas tindakan Suqiu menggugurkan tuntutan yang menyentuk hak keistimewaan orang Melayu pula, Dr Siti Zaharah berkata tindakan itu menandakan Suqiu menghormati Perlembagaan negara yang menjadi landasan utama perpaduan rakyat.

"Negara telah menghadapi pelbagai kumpulan yang boleh mengancam keamanan dan perpaduan rakyat, justeru tindakan Suqiu itu membuktikan mereka lebih mementingkan kepentingan negara," katanya.

Dr Siti Zaharah berkata, keputusan itu juga akan memudahkan kerajaan menerangkan dasar serta menyampaikan maklumat kepada rakyat.

Beliau berkata, rakyat peringkat bawahan kurang mengambil perhatian tuntutan Suqiu, sebaliknya ia banyak dicituskan oleh orang atasan.

Bagaimanapun, beliau berterima kasih kepada jabatan kerajaan serta badan bukan kerajaan (NGO) yang banyak membantu kerajaan menangani masalah perpaduan.

(END)